

Sungai 'berdarah' hujung minggu

Air sungai bertukar warna merah setiap Sabtu dan Ahad, penduduk mahu tindakan segera diambil

■ RIDAUDDIN DAUD

SUNGAI SIPUT (U) - Fenomena air sungai bertukar menjadi warna merah setiap kali hujung minggu menimbulkan keraguan penduduk Kampung Enggor, di sini.

Lebih menghairankan, air sungai akan normal sepanjang hari bekerja, namun apabila tibanya hari Sabtu dan Ahad, warna sungai tiba-tiba menjadi merah.

Bagi penduduk, mereka percaya fenomena itu merupakan kesan pencemaran sungai memandangkan air berbau busuk dan berlaku pengurangan jumlah hidupan dalam sungai tersebut.

Sesetengah daripada mereka ada mengaitkannya dengan aktiviti penyembelihan dari kawasan berhampiran, namun masih belum dapat dipastikan kebenarannya.


Penduduk, Megat Jamil Megat Hashim, 46, berkata, isu tersebut bukanlah baru sebaliknya pencemaran mula dikesan kira-kira empat tahun lalu, namun sehingga kini ia masih berlarutan.

Menurutnya, pencemaran hanya berlaku pada hujung minggu dan penduduk percaya bahan tercemar dilepaskan pada hari tersebut bagi mengelak kegiatan mereka dipantau pihak berkaitan.

"Biasanya pada Isnin hingga Jumaat, warna air sungai seperti biasa, namun bila tibanya hujung minggu, warna air sungai bertukar menjadi merah,



Ahmad Qarieb menunjukkan lokasi di mana mereka percaya pencemaran air bermula dari kawasan itu.



MEGAT JAMIL

"Lebih membimbangkan, air tersebut mengalir ke Sungai Perak dan kita khawatir sungai tersebut juga tercemar. Mungkin bekalan air penduduk sekitar Kuala Kangsar juga tercemar disebabkan isu ini.

"Malah, boleh dikatakan



AHMAD QARIEB

tiada lagi ikan di sungai ini. Dulu, banyak udang galah di sini namun sekarang yang tinggal hanya sungai tercemar dengan bau yang sangat busuk," katanya.

Seorang lagi penduduk, Ahmad Qarieb Khairuddin, 47, berkata, dia dan beberapa penduduk pernah mencari punca kepada pencemaran tersebut dan mereka yakin menjumpainya.

Bagaimanapun katanya, dia berharap pihak berkaitan turun padang dan sama-sama pergi ke lokasi supaya punca sebenar dapat dikesan sekali gus mengatasi masalah itu.

"Pihak yang buat onar terhadap sungai ini sudah pastinya terus mendapat keuntungan tetapi orang kampung



RAFLI

yang terjejas. Kami cintakan alam sekitar dan kami tidak akan berdiam diri bila perkara ini terjadi.

"Dulu sungai ini jadi tempat mandi-manda penduduk kampung, namun kini tiada yang berani mandi. Kalau mandi, mulalah badan rasa gatal-gatal.

"Kita enggan tuding jari kepada mana-mana pihak, namun kita harap mereka yang terlibat dapat menyelesaikan perkara ini dengan baik. Sudah terlalu lama sungai ini tercemar," katanya.

Dalam pada itu, Naib Ketua Pemuda Umno Sungai Siput, Rafli Md Nor berkata, beberapa laporan dibuat termasuk laporan polis dalam usaha menyelesaikan isu tersebut.

Menurutnya, penduduk kampung mengharapkan tindakan daripada pihak

berkaitan dan apabila tiada tindakan diambil, mereka mula menimbulkan pelbagai spekulasi.

"Mengikut daripada maklumat orang kampung, mereka mengesan beberapa lokasi dipercayai menjadi punca berlakunya pencemaran di sungai tersebut.

"Jadi, saya tidak rasa alas-

an gagal menemui punca pencemaran boleh diterima penduduk kampung. Jika mereka boleh jumpa, pihak berkaitan pastinya lebih arif dengan situasi tersebut.

"Mereka boleh masuk ke lokasi-lokasi tersebut, namun merasakan lebih wajar sekiranya datang bersama pihak berkuasa," katanya.


Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak, Abdul Razak Abdul Manap memaklumkan pihaknya sudah beberapa kali menyiasat punca pencemaran sebelum ini.

Menurutnya, kakitangannya turut meninjau kawasan berkenaan pada 24 April lepas yang turut dibantu beberapa penduduk Kampung Enggor.


"Setakat ini, kami masih belum menemui punca sebenar kepada pencemaran tersebut. Orang kampung juga sedia bekerjasama dengan kami.

"Kami tidak menolak kemungkinan ia juga mungkin berlaku disebabkan aktiviti penyembelihan yang dijalankan di kawasan berhampiran.

"JAS akan terus menyiasat perkara ini dari masa ke semasa," katanya.



Penduduk melihat sungai di luar kawasan Kampung Enggor yang turut tercemar.



Air sungai yang bertukar warna merah.